



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN  
(MEMO ANTARA BAHAGIAN)**

Ruj. Kami : JANM.BPPP.500-6/2/5 ( 7 )


Tarikh : 6 September 2018

<b>PERKARA</b>	<b>KURSUS BULANAN BILANGAN 8 TAHUN 2018 JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA : PENGURUSAN MAJLIS RASMI</b>		
<b>DARIPADA</b>	P BPPP		<b>SALINAN :</b>
<b>KEPADA</b>	P BPOPP P BWTD P BKP P BPAD P IPN	P BA MOF P PPPA P BPTM P BPOPA	ANM TAN (O) TAN (K) FAIL TIMBUL

} YBhg. Datuk/  
Dato'/Dr. dijemput  
hadir

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kursus Bulanan Siri 8/2018 bertajuk 'Pengurusan Majlis Rasmi' akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 19 September 2018 (Rabu) 

Masa : 8.30 pagi hingga 4.30 petang

Tempat : Dewan Serbaguna JANM  
Aras 7, JANM Putrajaya

Tentatif & Profil Penceramah : Lampiran

3. Sehubungan dengan itu, semua warga JANM adalah dijemput hadir. Pendaftaran kursus boleh dibuat secara atas talian (*online*) di portal Jabatan ([www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)) sebelum **12 September 2018**. Pada portal, klik > warga JANM> sistem dalam talian> eKursus> borang permohonan kursus bulanan. Semua peserta perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari ketua jabatan sebelum membuat pendaftaran kursus.

4. Semua pegawai yang telah mendaftarkan nama wajib menghadiri kursus dan perlu mendapatkan pengganti jika tidak dapat berbuat demikian atas sebab-sebab yang munasabah.

5. Sijil kehadiran hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang hadir dan mengikuti kursus sepenuhnya. Sijil boleh dimuat turun selepas 14 hari kursus selesai dijalankan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

- |     |                               |   |             |
|-----|-------------------------------|---|-------------|
| i.  | Encik Mohd Izzuddin bin Jasni | - | 03-88821089 |
| ii. | Puan Norli binti Talip        | - | 03-88821191 |

Sekian, terima kasih.

***"Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan"***



**(JAFRIL BIN JUNIT C.A. (M))**

Emel: [jafri.junit@anm.gov.my](mailto:jafri.junit@anm.gov.my)

**KURSUS BULANAN BILANGAN 8 TAHUN 2018  
PENGURUSAN MAJLIS RASMI**

<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>	<b>PROGRAM</b>
19.09.2018 (RABU)	08.30 pagi – 09.00 pagi	-Pendaftaran peserta -Minum Pagi
	9.00 pagi – 11.00 pagi	Sesi 1 – Amalan Protokol Sejagat
	11.00 pagi – 1.00 petang	Sesi 2 – Protokol Dalam Pengurusan Majlis
	1.00 petang – 2.00 petang	-Rehat -Makan Tengah Hari
	2.30 petang – 4.30 petang	Sesi 3  -Peranan Penyambut Tetamu/ Pembantu Majlis  -Peranan LO / Pegawai Pengiring Orang Kenamaan
	4.30 petang	Bersurai



**BIODATA**

**Siti Meriam Hussein**  
**Penceramah**

**Kelulusan Akademik:**

Diploma Pentadbiran dan Undang-undang  
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Awam (dengan kepujian)  
Ijazah Master of Science In Human Resource Development

Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan 2017:  
**Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang,**  
sempena Hari Keputeraan KDYMM Sultan Muhammad V yang ke 48 pada 11 Nov 2017

**Bidang tugas : Penceramah/Penyelaras Kursus**

**Skop Ceramah:**

Protokol dan Etiket Sosial,

Imej dan Keterampilan Diri,

Tata cara Menghadiri Majlis,

Tertib di Meja Makan,

Etika Berpakaian semasa menghadiri Majlis

Penampilan Diri dan berpakaian ke Pejabat

Protokol dalam Pengurusan Majlis

Peranan Penyambut tetamu/Pembantu Majlis

Peranan Pegawai Pengiring (Liaison Officer)

Pengacara Majlis

Champion/Fasilitator dan Juru audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

## **Pengalaman:**

Pernah bertugas di jabatan-jabatan, kementerian- kementerian, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) kampus Utama Bukit Kiara dan di Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak sebagai penceramah.

Pengalaman sebagai penceramah protokol dan etiket sosial atas undangan Istana Sultan Kelantan, Ahli-ahli EXCO kerajaan negeri dan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri sempena hari Keputeraan DYMM Sultan Perak dan DYMM Tuanku Raja Perlis

Beliau juga terlibat dalam kursus Peningkatan Ilmu dan Penampilan diri Isteri-isteri Menteri (BAKTI) dan Kursus Isteri Pegawai tinggi kerajaan Malaysia sebagai urus setia kursus dan juga penceramah.

Jemputan daripada Persatuan Isteri-isteri Menteri Sarawak (SABATI), Majlis Wanita Johor (MAWAR), Badan Amal Isteri Perak (BAIDURI), Persatuan Isteri-isteri tentera, Persatuan Isteri-isteri Polis (PERKEP) dan (BAKAT).

Juga penceramah undangan bagi Persidangan Hakim-hakim Malaysia, Persidangan Tahunan Peguam-Peguam Malaysia, Pejabat Setiausaha kerajaan di Negeri-negeri, Kementerian-kementerian, Jabatan, Agensi dan Institusi-institusi latihan Awam (ILA).

Memberi ceramah bagi tajuk Penampilan Diri Penjawat Awam, Adab dan Tertib di Meja Makan dan Protokol dalam Pengurusan Majlis untuk Kursus Diploma Pentadbiran Awam (DPA), Kadet PTD di INTAN dan Kursus Diploma Pengurusan Islam (DPI) di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).

Di samping itu juga terlibat dengan urusan majlis-majlis rasmi kerajaan dan persidangan antarabangsa sebagai Pegawai Pengiring, Penyambut Tetamu, *Floor Manager*, *Stage Manager* dan AJK Protokol dan Sambutan bagi majlis rasmi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebagai penceramah di Universiti-universiti bagi tajuk Penampilan Diri Menuju Kerjaya dan Penampilan Diri Semasa Menghadiri Temu Duga untuk pelajar-pelajar tahun akhir di UITM, UKM, USIM, UMT, UIA dan di Politeknik serta Kolej-kolej.

Fasilitator, Juru audit dan *resource person* EKSA. Memberi ceramah, melatih dan memberi kursus untuk Audit Dalam EKSA di jabatan/agensi untuk pensijilan EKSA MAMPU